

23 DEC 1996

RAYUAN AGAR TEMPOH DAFTAR PEKERJA TANPA IZIN DILANJUT

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar melanjutkan tempoh pendaftaran pekerja tanpa izin selama dua minggu lagi.

Presidennya Jamarulkhan M. S. Kadir berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa anggota persatuan itu tidak dapat mendaftarkan pekerjaanya kerana kesuntukan masa akibat menunggu giliran untuk mendapatkan sijil kesihatan.

Beliau berkata mereka juga mengalami kerumitan sewaktu proses pendaftaran yang dijalankan kerana anggota-anggotanya masih keliru dalam hal pendaftaran.

Tempoh untuk mendaftar pekerja tanpa izin berakhir pada 31 Dis.

-- BERNAMA

SBS FAZ